

21 DISEMBER 2017

## Polis India patahkan cubaan seludup dadah

**NEW DELHI** – Polis India sedang memburu suspek yang cuba mengeksport 50 kilogram bahan narkotik dari Chennai menuju ke Malaysia.

“Suspek yang cuba menyeludup dadah itu ke Malaysia telah malarikan diri,” seorang pegawai Direktorat Perisikan Hasil (DRI), agensi pencegah

penyeludupan tertinggi India, dipetik sebagai berkata dalam media tempatan Isnin lalu.

Polis telah merampas kontaineran 44.2 kilogram(kg) dadah methaqualone, sedatif dikenali sebagai mandrax, dan 5.9 kg piperonal, bahan kawalan yang boleh digunakan untuk menghasilkan dadah ekstasi atau

MDMA yang disorok dalam kontena kargo.

Nilai dadah itu di pasaran gelap dianggarkan sebanyak AS\$1.4 juta (RM5.7 juta).

Pegawai DRI itu berkata, jabatan kastam telah menjalankan pemeriksaan ke atas kontena tersebut dan dadah itu ditemukan selepas menerima maklumat daripada orang awam.

Alamat yang digunakan dalam konsainan itu adalah palsu.

“Kami mengetatkan pengawasan ke atas kontena yang dihantar melalui kapal ke Malaysia selepas menerima maklumat perisikan tentang percubaan penyeludupan yang mungkin,” kata pegawai itu kepada media India. – Bernama

## Polis India patahkan cubaan seludup dadah